

Kenaikan tol ikut hasil kajian tidak beban rakyat

BH = 19/10/15 Cm/s 12)

» Kemudahan, keselesaan pengguna dipertingkatkan: PSKLM

Oleh Hazwan Faisal Mohamad dan Nurul 'Aniqah Sazale
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Pelaksanaan kenaikan kadar tol melalui hasil kajian adalah keputusan baik kerana ia tidak membebankan rakyat, kata Presiden Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM), Datuk Ir Zainudin A Kadir (gambar).

Katanya, pada masa sama tanggungjawab syarikat konsesi kepada peminjam dan pelabur terjamin serta usaha me-

nyediakan kemudahan dan keselesaan kepada pengguna lebuhraya dapat dipertingkatkan lagi.

"Kenaikan kadar tol melalui hasil kajian tol sememangnya sesuatu yang terkini dipraktikkan. Kami juga akan sentiasa bekerjasama dengan kerajaan dalam sebarang usaha untuk menambahkan baik lagi proses ini pada masa depan," katanya kepada BH ketika dihubungi.

Perjanjian ditambah baik

Semalam, BH menyiarkan wawancara dengan Menteri Kerajaan, Datuk Seri Fadillah Yusof mengenai kenaikan kadar tol di 18 lebuhraya di Lembah Klang dan Johor bermula Khamis lalu.

Dalam wawancara itu, Fadillah berkata, perjanjian

konsesi terkini ditambah baik bagi memastikan kerajaan tidak berada di pihak yang rugi.

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) juga bersetuju dengan langkah itu dan beranggapan ia sepatutnya sudah lama dilakukan.

Timbalan Presidennya, Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata apabila hasil diterima syarikat konsesi sudah lebih daripada yang diunjurkan, maka harga tol tidak perlu dinaikkan.

Selepas tolak bayaran balik kepada bank, kos penyelenggaraan dan keuntungan yang munasabah kepada pemegang saham serta mendapati keuntungan yang diperoleh mereka tinggi, maka tidak perlu naikkan harga tol," katanya.

Sementara itu, pengguna lebuhraya, Mohd Shahir Shamsir, 29, berkata kenaikan kadar tol secara tidak automatik adalah keputusan wajar.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan dan syarikat konsesi lebuhraya dapat memberikan maklumat sebelum mengemukakan sebarang kenaikan kadar tol.

Tingkat kemudahan

Mohd Hafizi Rosli, 24, berkata kenaikan kadar tol perlu kerana lebuhraya perlu dibaiki serta kemudahan ditingkatkan.

"Bagi saya sistem yang digunakan sekarang ada baiknya kerana ia bergantung kepada keperluan tol itu sendiri, jika tiada sebarang perubahan maka tiada kenaikan harga akan dikenakan," katanya.

Khadijah Muhamar, 54, berkata kadar tol seharusnya bergantung kepada perkhidmatan dan kos penyelenggaraan yang diberikan kepada pengguna.

